

SISTEM BEBAN TUGAS TENAGA AKADEMIK (BETTA)

Jabatan Pendaftaran

Telah Dihantar: 17 Ogos 2010 12:00

Kepada: UUM - All Staff

17 OGOS 2010**7 RAMADHAN 1431H**

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**HEBAHAN PENDAFTAR, 17 Ogos 2010 : SISTEM BEBAN TUGAS TENAGA AKADEMIK (BETTA)**

Y. Bhg. Datuk/Datin/Prof./Tuan/Puan

Dimaklumkan bahawa mesyuarat MEU Ke 161 Bil. 6/2010 pada 24 Jun 2010 telah meluluskan secara dasar Sistem Beban Tugas Tenaga Akademik (BETTA) sebagai pengganti kepada 'Jumlah Masa Bekerja' dalam Sistem Kehadiran Universiti. Sehubungan dengan itu Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan diminta untuk memasukkan maklumat pengajaran, penyelidikan, penyeliaan, pentadbiran dan sebagainya bagi semester A101 ini. Sistem ini boleh diakses melalui <http://www.umis.uum.edu.my>

Perkara-perkara lain yang telah dipersetujui oleh MEU Ke 161 Bil. 6/2010 pada 24 Jun 2010 ialah:

- a. Setiap kakitangan akademik perlu 'clock-in' pada bila-bila masa pada setiap hari bekerja dan mereka tidak perlu 'clock-out';
- b. Supaya 'Jumlah hari Perlu Bekerja' adalah seratus peratus (100%) dan 'Jumlah Hari Bekerja' bagi seorang kakitangan akademik perlu mencapai seratus peratus (100%) pada setiap bulan. 'Jumlah Hari Bekerja' seratus peratus (100%) ini akan diambil kira semasa penentuan anjakan gaji;
- c. Supaya Penolong Naib Canselor dipertanggungjawabkan untuk memantau beban tugas setiap tenaga akademik serta meminta setiap tenaga akademik yang beban tugasnya kurang dari empat puluh (40) jam satu minggu, memberi justifikasi berkaitan 'output' mereka.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa Sistem Kehadiran Biometrik akan dilaksanakan di seluruh Kampus UUM. Sistem Kehadiran Biometrik ini tidak memerlukan para tenaga akademik untuk 'clock-out'.

Sekian, dimaklumkan.